

Newspaper	SUARA KEADILAN
Date	07 MARCH 2017

# Umno makin berpecah Zahid minta Najib undur

Suara Keadilan - 7/3/2017

Oleh NADIA HANAFI

**PENKAJI** politik percaya berkemungkinan Timbalan Perdana Menteri (TPM), Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi kini dalam situasi terdesak untuk menjadi Perdana Menteri (PM) menggantikan Datuk Seri Najib Razak.

Shahbudin Husin berkata, pendedahan Timbalan Presiden Amanah, Salahuddin Ayub baru-baru ini bahawa akan ada pemimpin kanan Umno berjumpa dengan Najib untuk memintanya melepaskan jawatannya adalah berasas.

Beliau juga malah menjangkakan individu yang

dimaksudkan Salahuddin itu adalah Zahid.

Ahli Parlimen Bagan Datuk itu juga dikatakan tidak mahu terlepas merebut jawatan PM berdasarkan pengakuannya sebelum ini.

Zahid yang juga Naib Presiden Umno mengakui bahawa terdapat gerakan untuk menjatuhkannya, dan ini dipercayai benar kerana menurut pengkaji-pengkaji politik, sekarang ini terdapat gerakan besar-besaran yang diketuai Najib untuk melantik semumpunya, Datuk Seri Hishammuddin Hussein ke jawatan itu.

"Ya, memang dia (Zahid) terdesak untuk menjadi

Perdana Menteri. Apabila sudah menjadi TPM, sudah tentu dia mahukan jawatan yang lebih tinggi iaitu PM.


"Apa yang Salahuddin cakap itu ada asasnya cuma tunggu masa sahaja. Najib pula kini semakin lama semakin lemah dengan pelbagai skandal dan ekonomi yang tidak baik di bawah pentadbirannya," kata Shahbudin dihubungi.

Sementara itu, Salahuddin dalam kenyataannya juga berkata, krisis dalaman Umno tidak ber-noktah walaupun selepas penyingkiran kumpulan Tan Sri Muhyiddin Yassin beberapa bulan lalu.

Beliau turut mendakwa, pergelutan kuasa antara Zahid dan Hishammuddin adalah satu rahsia umum yang sedang melanda dalaman Umno di mana jalan penyelesaiannya adalah mengharap Najib memberi laluan untuk menyelamatkan Umno.

Mengulas lanjut, Shahbudin juga tidak menolak kemungkinan satu surat layang meminta Najib berundur yang pernah tersebar akhir tahun lalu datangnya dari kumpulan Zahid.

"Kita tidak menolak kemungkinan bahawa surat layang yang pernah tersebar satu ketika dulu daripada orangnya (Zahid)



juga," kata penganalisa politik itu lagi.

Pada Disember tahun lalu, satu surat layang tersebar di laman sosial mendesak Najib meletakkan jawatan Perdana Menteri.

Di dalam lampiran surat layang itu juga mengandungi senarai kabinet baharu dengan Zahid dinamakan sebagai Perdana

Menteri, diikuti Timbalan Perdana Menteri, Khairy Jamaluddin, manakala Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz sebagai Menteri Dalam Negeri.

Senarai itu juga memperlihatkan beberapa nama lain lagi. Sementara nama yang tidak disenaraikan termasuklah Najib dan Hishammuddin.